JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DASAR SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU
(KUALITI, ALAM SEKITAR, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, TENAGA DAN PENGURUSAN ANTIRASUAH)

Jabatan Kerja Raya sebagai agensi teknikal utama kerajaan adalah komited untuk menghasilkan produk dan memberi perkhidmatan berkualiti yang cekap selari dengan konteks bisnes dan pelan strategik Jabatan melalui:

1. Memenuhi kehendak pelanggan dalam aspek rekabentuk, kos projek, pembinaan, dan penyerahan bagi pengurusan projek;
2. Menepati kehendak pelanggan dalam aspek penerimaan aset, operasi dan penyenggaraan, penilaian keadaan/ prestasi, naik taraf dan pelupusan aset bagi pengurusan penyenggaraan;
3. Melaksana pembangunan secara lestari demi melindungi alam sekitar termasuk mencegah pencemaran;
4. Mematuhi semua peraturan dan perundangan yang diperuntukkan semasa perancangan projek, pelaksanaan projek dan penyenggaraan;
5. Mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan, menghapuskan hazad dan mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam pelaksanaan projek dengan penglibatan semua pihak berkepentingan;
6. Memastikan sistem pengurusan tenaga elektrik dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga secara berterusan;
7. Menyokong perolehan bekalan dan perkhidmatan serta rekabentuk cekap tenaga bagi meningkatkan prestasi penggunaan tenaga berdasarkan spesifikasi piawai JKR semasa;
8. Menyediakan sumber dan aset pengetahuan organisasi yang relevan dan tempat kerja yang selamat;
9. Memastikan semua aktiviti bermula dari perancangan sehingga perkhidmatan penyenggaraan dilaksanakan selaras dengan pematuhan dan memenuhi keperluan Pengurusan Antirasuah serta peraturan-peraturan berkaitan;
10. Meningkatkan prestasi dan produktiviti melalui pembudayaan tadbir urus, integriti dan antirasuah secara berkesan; dan
11. Memastikan penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai prestasi dan objektif Sistem Pengurusan Bersepadu.

DATO' Ir. IBRAHIM BIN ESA
Ketua Pengarah Kerja Raya
Tarikh: 22 Jun 2026